Tradisi perlu dipertahan—Dr M

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru ahli-ahli Umno supaya menegakkan tradisi parti bagi menjamin perpaduan Umno dikekalkan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata salah satu tradisi itu ialah walaupun Umno mengamalkan sistem demokrasi, tetapi ia tidak digunakan untuk menaikkan atau menjatuhkan pemimpin-pemimpin tanpa mengira akibatnya kepada parti, "kerana demokrasi tidak boleh membawa kepada perpaduan kalau kita

KUALA KERAI, Sabtu

tidak pandai menggunakannya."

Di samping itu, katanya dalam pemilihan Umno ada jawatan yang tidak dicabar kerana mereka percaya, mereka akan naik apabila tiba masanya, tanpa menimbulkan kesan tidak baik terhadap perpaduan parti, kerana sekiranya berlaku pertandingan, sudah tentu perpecahan boleh wujud akibat kempen yang dijalankan.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Hulu Kelantan di sini, beliau berbangga kerana peralihan pucuk pimpinan sejak zaman Tunku Abdul Rahman, hingga ke hari ini berjalan lancar. Ia kerana ahli-ahli Umno mengutamakan perpaduan dan menjadikannya amalan tradisi Umno.

"Kesediaan pemimpin lama memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin baru seperti Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Al-Haj dan Tun Hussein Onn, bekas dua pemimpin lama walaupun mereka mempunyai keselesaan jika terus menyandang jawatan, adalah tradisi Umno yang baik," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap pemimpin Umno lain mencontohi mereka dan tahu masa untuk berundur secara tersendiri jika difikirkan tidak lagi dapat memberikan pimpinan yang berkesan.

"Kekuatan Umno bukan terletak pada catatan dalam perlembagaannya atau pada namanya, tetapi kerana kita faham nilai perpaduan itu disebabkan kita mempunyai tradisi-tradisi sejak tahun 1946, yang telah mengekalkan perpaduan Umno hingga hari ini," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir meminta ahli-ahli Umno mengekalkan dan mematuhi tradisi-tradisi dalam Umno itu yang selama ini telah berjaya mengekalkan perpaduan di kalangan mereka, untuk menjadikannya tunggak kekuatan kerajaan dan negara sekarang.

Ini penting, katanya, kerana perpaduan dalam Umno bererti perpaduan masyarakat Melayu yang beragama Islam, dan Umno juga adalah tunggak kekuatan kerajaan, Barisan Nasional dan negara.

Beliau menarik perhatian kepada nasib beberapa parti politik yang kononnya berjuang untuk orang Melayu dan Islam, telah gagal kerana mereka tidak mengamalkan tradisi seumpama itu. Mereka lebih mementingkan mendapat kekuasaan diri sendiri sehingga sanggup memperalatkan agama.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah yang juga Ketua Bahagian Umno Hulu Kelantan, Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Yaakob dan Timbalannya, Haji Ariffin Said.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia